

SINAR SURAU 'AL-ULUM KD9

BIL.59

RABIULAWAL 1431/Feb2010

BULAN RABIULAWAL & MAULIDUL RASUL

Pengertian

Bulan Rabiulawal bermaksud *bulan dimana bermulanya musim bunga bagi tanaman*. Mengikut kebiasaannya di Tanah Arab, sewaktu bulan Rabiulawal pokok buah-buahan mula berbunga dan seterusnya berbuah.

Maka nama bulan ini diambil sempena musim berbunga tanaman mereka. Dan setelah kedatangan Islam, Rasulullah saw telah mengekalkan nama Rabiulawal ini sehinggalah sekarang.

Peristiwa-Peristiwa Penting Bulan Rabiul Awal

- Kelahiran junjungan besar kita**, Muhammad Rasulullah saw yakni pada 12 Rabiul Awwal tahun gajah bersamaan 23 April 571M.
- Perlantikan Nabi menjadi Rasul**. Dibulan Rabiulawal inilah Nabi saw diangkat menjadi Rasul. Ketika ini Nabi saw berumur 40 tahun. Maka dengan ini bermulalah dakwah baginda secara rasmi di Makkah al-Mukarramah.
- Hijrah**. Tarikh hijrah adalah tarikh tibanya Rasulullah di Madinah al-Munawwarah pada ketika itu di sebut Yatsrib. Rasulullah sampai di Quba' pada hari Isnin 8 Rabiulawal dan Baginda sampai di Kota Madinah pada hari Jumaat 12 Rabiulawal dan Baginda menunaikan solat Jumaat yang pertama.
- Peperangan**. Banyak peperangan yang telah terjadi pada zaman Rasulullah saw di antara tentera Islam dan tentera kuffar. Diantara peperangan yang berlaku di bulan Rabiulawal ialah peperangan Safwan (Badar pertama), Bawat, Zi Amar (Ghatfan), Bani An-Nadhir, Dumatul Jandal dan peperangan Bani Lahyan.
- Wafatnya junjungan besar kita**, Muhammad Rasulullah saw. Rasulullah telah wafat pada hari Isnin 12 Rabiulawal 11H bersamaan 7 Jun 632M. Baginda wafat di rumah isterinya Aisyah ra dan dikebumikan di Madinah al-Munawwarah. *Bersambung di mukasurat 4...*

Jadual Aktiviti / Pengajian (Feb '10) Di Surau Al-Ulum KD9, Kota Damansara

Tarikh	Hari	Pengajar	Tajuk
01/02	Isnin	Ust. Hamzah	Tauhid
02/02	Selasa	Ust. Hamim Semaon	Hadis
03/02	Rabu	Ust. Kamal Mahdi	Tafsir
04/02	Khamis	Ust. Nizam Kamaruzaman	Umum
05/02	Jumaat	Ust. Ahmad Lutfi A.Wahab	Umum
06/02	Sabtu	Ust. Ramadhan	Umum
07/02	Ahad	Ust. Abdul Karim	Akidah
08/02	Isnin	Ust. Hamzah	Tauhid
09/02	Selasa	Ust. Mazlan Khamis	Hadis
10/02	Rabu	Ust. Hj. Sahrom	Umum
11/02	Khamis	Dr Abd Hayei Abd Syukur	Hadis
12/02	Jumaat	Ust. Hj. Mansor	Munakahat
13/02	Sabtu	Ust. Md Nizam Abd Kadir	Umum
14/02	Ahad	Ust. Muhadir Joll	Tasauf
15/02	Isnin	Ust. Hariyanto R.Rokman	Umum
16/02	Selasa	Ust. Hamim Semaon	Hadis
17/02	Rabu	Ust. Kamal Mahdi	Tafsir
18/02	Khamis	Ust. Ibtisam Barry	Yassin/Tahlil/Kuliah
19/02	Jumaat	Ust. Ahmad Lutfi A.Wahab	Umum
20/02	Sabtu	Ust. Ahmad Al-Khauthari	Tafsir
21/02	Ahad	Ust. Muhadir Joll	Tasauf
22/02	Isnin	Ust. Kasfun Nazir	Tafsir
23/02	Selasa	Ust. Mazlan Khamis	Hadis
24/02	Rabu	Ust. Hasrizal Jamil	Umum
25/02	Khamis	Ust. Abdullah Osman Iraqi	Yassin/Tahlil/Kuliah
26/02	Jumaat	Ust. A Rashid Al-Hafiz	Umum
27/02	Sabtu	Ust. Fauza Mohd Ali	Umum
28/02	Ahad	Ust. Muhadir Joll	Tasauf
Kuliah Khas HELWA			
Rabu 8.30 pagi		Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Tafsir
Jumaat 8.30 pagi		Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Sirah Rasul
Kuliah Subuh			
06/02	Sabtu	Ust. Osman Khusnan	Umum
07/02	Ahad	Ust. Miftahuddin	Umum
13/02	Sabtu	Ust. Mohd Nazri Din	Umum
14/02	Ahad	Ust. Khairi Al-Hafiz	Umum
20/02	Sabtu	Ust. Md Nizam A Kadir	Umum
21/02	Ahad	Ust. Azizi Mat Daud	Umum
27/02	Sabtu	Ust. Ibrahim Zakaria	Umum
28/02	Ahad	Ust. Kamaruddin	Umum

PERHATIAN : Jadual di atas tertakluk kepada perubahan, sila semak di Papan Notis surau untuk jadual terkini. Bersama-samalah kita hadir di dalam majlis ilmu yang telah diaturkan.

TAZKIRAH : 9 jenis pembaziran

Ibnu al-Qaum al-Jauziah mengatakan terdapat sembilan bentuk pembaziran yang sering dilakukan manusia antaranya:

1. **Pembaziran ilmu pengetahuan** – iaitu membazir jika tidak diamalkan pada jalan kebaikan.
2. **Pembaziran amalan** – iaitu membazir jika tidak dilakukan dengan hati yang ikhlas
3. **Pembaziran kekayaan** – iaitu membazir jika dibelanjakan pada perkara yang tidak bermanfaat dan tidak direcai Allah SWT.
4. **Pembaziran hati** – iaitu membazir jika kosong daripada kasih kepada Allah SWT.
5. **Pembaziran tubuh badan** – iaitu membazir jika tidak digunakan untuk beribadah kepada Allah SWT.
6. **Pembaziran cinta** – iaitu membazir jika dicurahkan kepada selain Allah atau melebihi cinta kepada-Nya.
7. **Pembaziran masa** – iaitu membazir jika tidak diurus dengan sebaiknya.
8. **Pembaziran akal** – iaitu membazir jika tidak memikirkan sesuatu yang bermakna kepada Agama.
9. **Pembaziran zikir** – iaitu membazir jika tidak memberi kesan kepada hati.



Islam Membenci Pembazir

Hadith :

Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud:

"Bukanlah kekayaan itu harta yang melimpah, akan tetapi kekayaan (yang sebenar-benarnya) ialah kaya jiwa."

Riwayat Bukhari

Huraian

1. Qarun di zaman Nabi Musa a.s adalah contoh manusia yang kufur dan angkuh dengan kekayaan yang dimilikinya. Dia bersikap bakhil dan boros pada perkara-perkara yang haram sedangkan Islam memerintahkan kita agar bersederhana dalam membelanjakan harta di samping mengeluarkan zakat yang difardhukan.
2. Harta yang dibekukan dan tidak dibelanjakan di tempat yang halal adalah termasuk dalam konteks membazir kerana tiada manfaat yang boleh diperolehi daripadanya. Contohnya tanah yang terbiar tanpa diusahakan.
3. Sesungguhnya kekayaan harta dan usaha untuk mendapatkan harta tidak menjadi halangan di dalam Islam selama mana seseorang itu berusaha dan bekerja dengan cara yang halal dan menunaikan tanggungjawabnya dengan sempurna.

What are the ill effects of junk food?

Junk food is very tasty and no one goes by not noticing it and wanting to bite into it. Resisting junk food is difficult, but with age, taking in junk food is something to be desisted as they do not have a healthy effect on the body. How harmful can junk food be exactly on your body? ... Here's a look on why you need to cut down on junk food eating:

- Junk food is made using a lot of saturated fats. Such fats are unhealthy and on digestion can release a lot of toxins into your body. Your body gets food but not healthy food.
- Junk food is sometimes made using ingredients that are not very clean. This can in the long run spoil your stomach, liver and intestines.
- Junk food makes you put on weight. People who have obesity or morbid obesity are those who have a preference for junk food and snacking.



- Junk food makes you put on weight. People who have obesity or morbid obesity are those who have a preference for junk food and snacking.
- Eating junk food can make you prone to diabetes, because it contains too much of sugar. You can also become susceptible to heart disease and blood pressure because of the salt and high fats found in this kind of food.
- Packed junk food contains preservatives and coloring, both of which contain carcinogenic substances.
- In the long run, junk food actually fastens the effects of aging. People show signs of old age faster because of continuously eating junk food. This is



Junk food makes you put on weight. People who have obesity or morbid obesity are those who have a preference for junk food and snacking.


free radicals which are the chief factors responsible for aging effect.

The habit of taking in junk food is seen particularly with children, teenage and young

adult and in the long run it can tell on their health. The main factor that attracts people to eat junk food is their taste. This taste must be substituted with food that is cooked well and delicious, but at the same time healthy for the body while intake eating salads and fruits must be taken up and even increased.



MAZE Puzzle... help the monkey



Firman Allah:

Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal soleh, mereka beroleh balasan pahala yang tidak putus-putus. Fussilat (8)

Dari mukasurat 1...



6. **Abu Bakar ra. menjadi khalifah.** Pada hari Rasulullah wafat, para sahabat tidak mahu menanggung urusan pentadbiran kerajaan dan segera membai'ah saidina Abu Bakar ra di Dewan Bani Sa'idah. Ini adalah kerana urusan pentadbiran negara tidak boleh terhenti walau seketika dan ia adalah nadi sesebuah kerajaan. Sebahagian sahabat pula menguruskan pengkebumian jenazah Rasulullah saw yang diketuai oleh Saidina Ali ra Ahli Bait Rasulullah saw.

7. **Pembukaan Iraq.** Tentera Islam yang dipimpin oleh Khalid Ibni Walid ra telah memasuki Iraq dan bermulalah pemerintahan Islam di bumi Iraq di zaman Saidina Abu Bakar ra.

8. **Pembukaan Baitul Muqaddis.** Salahuddin al-Ayubi telah memimpin tentera Islam menewaskan tentera Salib dan seterusnya membuka pintu bagi pembukaan Baitul Muqaddis pada tahun 583 H.

9. **Kejatuhan Empayar kerajaan Islam Sepanyol.** Kubu terakhir tentera Islam di Andalusia telah ditumbangkan oleh tentera Sepanyol yang dipimpin oleh Ferdinando dan Isabella pada tahun 897H. Bermulalah kemusnahan tempat-tempat bersejarah warisan umat Islam, masjid-masjid ditukar menjadi gereja dan muzium dan tiada lagi suara azan di negara tersebut.

PESANAN -Kami dengan rendah diri memohon kerjasama sdr/sdri. sekalian agar menyimpan Buletin ini ditempat yang sesuai demi menjaga kesucian

Fadhilat Bulan Rabiul Awal

Bulan Rabiulawal adalah seperti bulan-bulan Islam yang lain maka amalan sunat di bulan Rabiulawal adalah sama seperti amalan sunat di bulan-bulan yang lain.

Kita dianjurkan untuk meningkatkan amalan-amalan fardu dan sunat tanpa mengira di bulan manapun di sepanjang tahun.

Amalan-amalan kita itu akan menjadi bekalan untuk kita meneruskan perjalanan ke padang mahsyar esok.

Selain dari itu, kualiti ibadah juga adalah

diambil kira. Niat dan keikhlasan mempunyai pengaruh yang amat besar dalam menentukan nilai ibadah kita. Diantara syarat sesuatu ibadah itu diterima ialah niat.

Niat dan keikhlasan mempunyai pengaruh yang amat besar dalam

Niat itu akan menggambarkan keikhlasan kita. Kerja yang ikhlas akan membawa kepada kesempurnaan dan kesempurnaan akan membawa kepada kepuasan dan kepuasan akan membawa kepada ketenangan.

Moga kita sama-sama dapat meningkatkan amalan ibadat kita agar kita mempunyai bekalan untuk dibawa ke kampung Akhirat esok, InsyaAllah.

END....



BERITA RINGKAS SINAR AL-ULUM KD9....

3hb Januari 2010 - Qariah Al-Ulum telah mengadakan perlawanan amal Takraw antara ahli Qariah bagi mengutip tabung pembinaan bangunan tambahan Al-Ulum.

4hb Februari 2010 - Jawatankuasa rekreasi/remaja Al-Ulum telah mengadakan riadah bermain Futsal di Sg. Buluh.

